

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
Hari/Tarikh: 19/6/2016
Muka surat: 5

Tajuk : UNIMAS, Universiti Cornell jalin kerjasama dalam Program Pendidikan Perkhidmatan

UNIMAS, Universiti Cornell jalin kerjasama dalam Program Pendidikan Perkhidmatan

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjadi universiti pertama di rantau Borneo menjalinkan kerjasama dengan Universiti Cornell dalam Program Pendidikan Perkhidmatan.

Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Kopli Bujang berkata kerjasama dua hala antara universiti ini dilihat dapat memupuk hubungan erat kalangan penyelidik dan masyarakat.

Katanya, program itu dikendalikan oleh Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologi (ISITI) mengintegrasikan perkhidmatan kepada masyarakat untuk pembelajaran pelajar UNIMAS dan Universiti Cornell.

"Kerjasama ini melihat kepada penyertaan bersama pelajar dari kedua-dua universiti itu dalam kepentingan bersama terutama pertukaran budaya,

akademik dan lain-lain.

"Kita berharap kerjasama itu dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat dan universiti tetapi pelajar-pelajar," katanya selepas menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UNIMAS dan Universiti Cornell di UNIMAS kelmarin.

University Cornell diwakili Profesor Shorna B Allred.

Shouna dalam kenyataannya berkata, pihaknya melihat kerjasama dengan UNIMAS merupakan peluang terbaik untuk pelajar-pelajar mereka menimba lebih banyak pengalaman dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan.

"Seramai lapan orang pelajar kami dihantar ke sini untuk bersama-sama dengan pelajar-pelajar UNIMAS mempelajari hal-hal berkaitan perkhidmatan serta permasalahan masyarakat dan sebagainya.

"Kita memilih UNIMAS untuk tujuan MoA ini kerana kita percaya universiti itu mempunyai kekuatan dalam perkara berkaitan kemasyarakatan," katanya.

Sementara itu, ISITI menerima pelajar pertama dari Universiti Cornell awal Januari lalu untuk membantu ke tapak tapak penyelidikan seperti di Bario dan Long Lamai.

Lapan pelajar Universiti Cornell dan tiga pelajar UNIMAS turut terlibat dalam pelbagai aktiviti di dua kawasan terabit berkaitan pemuliharaan budaya, alam sekitar, ekopelancongan selain berkongsi pengalaman sebaik tamat menjalankan kajian.

Perkongsian pandangan dan idea itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar tetapi menjadi satu penyelidikan yang berpotensi membantu isu-isu pembangunan mampan.



TERMETERAI: Dr Kopli dan Shouna bertukar dokumen MoA antara UNIMAS dan Universiti Cornell pada program pendidikan perkhidmatan.